

TARIKH: 6/9/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 6

6

## Bilangan buruh asing tiga sektor ditentukan Jumaat ini

**Kuala Lumpur:** Bilangan pengambilan pekerja asing bagi tiga sektor membabitkan kedai gunting rambut, tekstil dan kedai emas akan ditentukan pada mesyuarat Jemaah Menteri Jumaat ini.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata perkara terperinci pengambilan pekerja asing dalam tiga sektor yang sebelum ini dibekukan itu akan dibincangkan pada mesyuarat berkenaan.

"Jika ada perkara yang lebih terperinci, berkemungkinan nanti saya akan umumkan selepas mesyuarat Kabinet pada Jumaat ini," katanya selepas melancarkan National Training Index (NTI) di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan meluluskan sebahagian permohonan pengambilan pekerja asing bagi tiga sektor itu yang dibekukan sebelum ini.

Bagaimanapun, Anwar meletakkan syarat golongan belia tempatan diberikan latihan bagi mengisi keperluan tenaga kerja membabitkan tiga sektor berkenaan.

Sementara itu, Sivakumar berkata, beberapa agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) termasuk Institusi Latihan Perindustrian (ILP) kini menukar program automatif sedia ada kepada latihan berasaskan kenderaan elektrik (EV).

Beliau berkata, ia susulan permintaan tinggi terhadap EV bukan hanya di negara ini, malah seluruh dunia yang akan memberikan impak kepada industri automatif di Malaysia.

"Kita perlu bersedia dan memastikan mereka (mekanik) yang terlatih ada upskilling mengikut peredaran terkini. Program automatif yang menggunakan Internal Combustion Engine iaitu enjin pembakaran dalam, kini ditukar dengan EV dari segi latihan," katanya.

ms 6  
National Rota 6/9/23  
GH